

## **Reformasi Kurikulum Di Malaysia: Satu pandangan Ke Atas Proses Perancangan, Pembinaan dan Perlaksanaanya**

Haris Md. Jadi  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia

---

Malaysia's curriculum reform began in 1982 and 1989 with the implementation of the New Primary School Curriculum (NPSC) and the Integrated Curriculum for Secondary Schools respectively. The changes brought about by these reform were important in two ways. Firstly, it was for the first time since independence that the Malaysian school curriculum was extensively reviewed. Secondly with this curriculum reform the national Philosophy of Education was also introduced. Thus it is of importance to note that the curriculum reform that is still taking place is not only timely but also appropriate in terms of the all round development that is currently traking place in the country.

In the history of Malaysian education, policies related to the school curriculum have always been the main thrust of its educational policy. The Razak Report (1956) called for the provision that common content syllabus must be taught in the education system of the country irrespective of the language of instruction of the schools. It was envisaged that a common content curriculum would be able to bridge the cultural differences among the children who came from varied and diversed ethnic background.

This article attempts to discuss the curriculum reform that is taking place in Malaysia. The first part of the article highlights the subject matter of curriculum and its development process. The second part discusses the curriculum development in context by looking in detail f the New Primary School Curriculum and the Integrated Curriculum for secondary schools. The final part attempts to evaluate the whole process of curriculum reform in Malaysia in relation to the needs of the country as envisaged by the Razak, Rahman Talib and the Cabinet Reports.

### **Pengenalan**

Sejak 1982 Malaysia telah melaksanakan satu reformasi kurikulum yang boleh dikatakan menyeluruh. Ia merupakan satu perkembangan yang penting kerana sejak negara mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957 tidak terdapat sebarang usaha dibuat secara keseluruhan untuk melihat dan meneliti semula kurikulum yang digunakan di

dalam sistem pendidikan kebangsaan. Walau pun ada yang mengatakan bahawa terdapat beberapa perubahan di dalam kurikulum sains, bahasa dan sejarah di dalam tempoh tersebut, namun ia merupakan satu proses mengubahsuai dan adaptif sahaja. Secara terperinci dan secara keseluruhan ia tidak pernah dilaksanakan.

Reformasi kurikulum yang dilakukannya di Malaysia bagi sekolah-sekolah rendah (1982) dan menengah (1989) dibuat dengan berdasarkan kepada desakan-desakan masyarakat yang ingin melihat satu perubahan kepada kurikulum sekolah. Adalah menjadi hasrat masyarakat untuk melihat satu kurikulum kebangsaan yang benar-benar berwibawa dan dapat berfungsi di dalam sebuah negara yang sedang membangun serta mempunyai pola kependudukan majmuk. Ini tercermin di dalam perakuan-perakuan yang terdapat dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979). Artikel ini cuba mengemukakan satu pandangan terhadap proses reformasi kurikulum yang masih berlaku di Malaysia masakini. Bahagian awal artikel ini akan cuba menampilkkan proses pembinaan kurikulum itu sendiri, asas-asas yang perlu diambil kira di dalam proses pembinaannya dan bagaimana ia boleh terperangkap di antara idealisme dan realiti yang terdapat di dalam sistem pendidikan Malaysia sekarang ini. Bahagian akhirnya cuba memberi sedikit pandangan tentang reformasi kurikulum yang sedang berlaku dan isu-isu yang berkaitan dengannya.

## Pembinaan Kurikulum

Kurikulum bermaksud sebagai segala matlamat pembelajaran yang dirancangkan dan ia meliputi pengalaman-pengalaman, kaedah-kaedah mengajar, bahan-bahan pengajaran dan teknik-teknik penilaian yang dirancangkan (Thomas, Sands dan Brubaker, 1968:6). Ini bermaksud bahawa kurikulum mengandungi dua bidang yang digunakan untuk mendidik. Bidang-bidang ini ialah kandungan dan aktiviti dan ia berfungsi untuk mencapai objektif-objektif pembelajaran.

Proses pembinaan kurikulum berlaku apabila didapati bahawa kurikulum yang sedia ada tidak dapat memenuhi kehendak sesebuah negara atau pun untuk menghadapi perubahan-perubahan yang berlaku pada masa kini. Reformasi yang dilaksanakan mungkin juga disebabkan beberapa faktor lain seperti keinginan untuk membina satu kurikulum yang mempunyai nilai-nilai setempat dan pada masa yang sama terdapat unsur-unsur kesejagatian. Atau pun ia bertujuan untuk melahirkan satu kurikulum yang bersepada dan menolak pengasingan di antara satu mata pelajaran dengan mata pelajaran yang lain. Berkemungkinan juga perubahan-perubahan itu dilakukan kerana Reformasi Kurikulum Di Malaysia mahu melaksanakan kaedah-kaedah baru di dalam proses pengajaran-pembelajaran disebabkan oleh perkembangan teknologi pendidikan masa kini. Perubahan-perubahan di dalam kurikulum juga mungkin disebabkan kepekaan negara terhadap perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam dunia keilmuan dan masyarakat. Berdasarkan kepada hakikat ini sesebuah negara itu biasanya cuba membentuk kurikulum pendidikannya berdasarkan kefahaman yang mendalam terhadap masyarakatnya sendiri. Dengan lain perkataan setiap negara ingin membina model yang tersendiri sesuai dengan keperluan masyarakat negaranya. Di dalam kontek ini juga dapat dilihat bahawa kurikulum yang dibina banyak mencerminkan ideologi yang dominan di dalam sesebuah negara.

Institusi pendidikan adalah salah satu institusi negara yang terpenting dan sama ada secara langsung atau tidak langsung seluruh rakyat terlibat di dalamnya. Justeru itu tidak dapat tidak banyak golongan yang berkepentingan ingin melibatkan diri di dalamnya. Ini ialah kerana pendidikan itu sendiri merupakan satu agensi terpenting di dalam proses pembinaan bangsa. Di samping peranan tradisinya sebagai penyampai dan pengekal warisan kebudayaan sesuatu bangsa ia boleh diperalatkan untuk menjinak atau membebaskan insan (Freire, 1972). Oleh yang demikian pendidikan dan prosesnya merupakan satu institusi pengawalan sosial yang dicemburui oleh oleh kumpulan-kumpulan yang tidak dapat menguasainya.

Proses perancangan dan pembinaan kurikulum dipengaruhi oleh aspek-aspek yang dinyatakan di atas tadi. Tidak kira sama ada sebuah negara itu mengamalkan sistem pemerintahan terbuka atau tertutup, pengamalan kurikulum lebih cenderung ke arah aspek kawalan yang bertujuan "untuk menambahkan lagi kecekapan dan keberkesanannya sesuatu proses pendidikan" (Molnar & Zahorik, ed, 1977). Di dalam kontek ini "pembinaan kurikulum bermula dengan matlamat yang spesifik, bergerak menuju kepada kandungan dan aktiviti-aktiviti pembelajaran, dan berakhir dengan penilaian" (*ibid.*)

Justeru itu masih belum ada sebuah negara pun pada masa kini sanggup mengeksperimen dengan kurikulum berdasarkan prinsip-prinsip hermeneutik yang memberi penegasan terhadap idea dan pemikiran (*ibid.*). Pada masa yang sama kurikulum yang berasaskan kepada teori kritikal yang menekankan aspek pembebasan insan juga tidak mendapat tempat di dalam mana-mana agenda pendidikan.

Oleh itu proses perancangan dan pembinaan kurikulum bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Pengetahuan di dalam disiplin-disiplin lain juga adalah perlu. Ia tidak terhad kepada perancangan dan pembinaan ilmu sahaja tanpa mengira kefahaman tentang sifat-sifat ilmu, manusia dan masyarakat. Tyler (1949) misalnya menulis bahawa di dalam proses perancangan dan pembinaan kurikulum, objektifnya hendaklah jelas, terutama jenis masyarakat yang hendak dilahirkan, nilai-nilai dominan yang terdapat di dalam masyarakat dan realiti sosial masyarakat. Ini semua memerlukan satu kefahaman yang kritis dan analitis tentang masyarakat dan negara. Kurikulum yang terbina juga hendaklah mencerminkan konsensus tentang sifat dan jenis generasi masa depan yang hendak dilahirkan dan dalam hal ini aspek perancangan dan pembinaannya juga hendaklah berteraskan kepada falsafah-falsafah tertentu.

Jika hasrat sesuatu kurikulum adalah ke arah menginduksikan generasi muda ke arah satu pandangan, pemikiran dan tingkah laku yang telah sedia ada maka kurikulum tersebut mencerminkan kecenderungan ke arah tradisi klasik (Lawton, 1973:22). Eksplisit di dalam tradisi ini ialah proses pengajaran-pembelajaran yang bercorak bank (Freire, 1972) di mana andaianya ialah pendidikan itu merupakan proses untuk menyampaikan maklumat, dan murid dianggap sebagai bekas kosong yang mesti dipenuhi dengan bahan-bahan yang diajar. Dalam kontek ini bilik darjah adalah satu suasana yang kaku, tidak fleksibel dan menekankan aspek-aspek maklumat yang hendak disampaikan. Objektifnya ialah ke arah melahirkan individu-individu yang patuh, mudah akur dan berdisiplin.

Pandangan romantik tentang kurikulum pula melihat pendidikan sebagai sebahagian dari kehidupan dan bukan sebagai persediaan untuk menghadapi dunia dewasa. Kurikulum sebegini lebih menekankan aspek-aspek murid, pengalaman, kesedaran,

daya kreatif murid dan memberi tumpuan kepada ilmu yang bersepada (Lawton ibid.) Namun demikian walau apa pun bentuk atau kandungan kurikulum yang dibina ia tidak dapat dipisahkan dari dasar pendidikan sesebuah negara dan proses sejarah yang telah mempengaruhi dasar tersebut.

## Kontek Reformasi E Kurikulum Di Malaysia

Setiap dasar pendidikan bagi sesebuah negara mempunyai objektif-objektif tertentu. Bagi dasar pendidikan Malaysia, objektif-objektifnya adalah berasaskan kepada Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960) dan Laporan Kabinet (1979). Segala aspek reformasi dalam pendidikan Malaysia tidak dapat lari daripada menggunakan Laporan-laporan tersebut sebagai asasnya.

Sebagai contoh bidang tugas Penyata Razak adalah:

... hendak membentuk satu sistem pelajaran kebangsaan yang dapat diterima oleh semua orang di Persekutuan secara keseluruhannya yang akan dapat memuaskan keperluan mereka dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik mereka sebagai sebuah negara, dengan tujuan untuk menjadikan Bahasa Melayu bahasa kebangsaan negara ini di samping mengekal dan mempertahankan pertumbuhan Bahasa dan kebudayaan masyarakat-masyarakat lain yang tinggal di negara ini (Peren. 1 (a).

Penyata Razak (perenggan 12) juga memperakukan:

... bahawa objektif akhir dasar pendidikan di dalam negara ini mestilah menyatukan kanak-kanak dari semua bangsa di bawah satu sistem pelajaran kebangsaan di mana bahasa kebangsaan adalah bahasa pengantar utamanya, walaupun kita fahami bahawa kemajuan ke arah matlamat ini tidak boleh dipercepat dan mestilah beransur.

Jelas di sini bahawa bidang tugas yang nyata di dalam Laporan Razak mencerminkan aspek-aspek masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbagai latarbelakang kebudayaan dan usaha-usaha yang perlu dibuat untuk menjadikan kumpulan-kumpulan yang berlainan ini memahami antara satu sama lain, memahami tentang negara ini, berupaya berkomunikasi di dalam satu bahasa dan dapat melahirkan satu identiti Malaysia. Bidang tugas ini telah menjadi asas kepada Falsafah Pendidikan Negara dan ia konsisten dengan apa yang termaktub di dalam Akta Pelajaran 1961, Dasar Ekonomi Baru (1970) dan Laporan Kabinet (1979).

Untuk mencapai tujuan yang dinyatakan di atas Laporan Razak telah memperakukan supaya kurikulum yang sama diajar kepada semua murid (Laporan Razak, ibid. per. 119) di samping peperiksaan yang sama juga dikenakan kepada semua (ibid. per. 13 C).

Perlu diingat bahawa pembentukan Jawatankuasa Pelajaran 1956 adalah pada satu ketika di mana negara sedang berada di ambang kemerdekaan dan rakyat Tanah Melayu pada waktu itu masih tidak menunjukkan ikatan yang kuat terhadap negara ini sebagai satu entiti politik dan taat setia mereka masih dipersoalkan. Oleh itu sistem pendidikan

diandaikan dapat membantu mengurangkan perbezaan yang terdapat di kalangan masyarakat Tanah Melayu yang terdiri dari latar belakang kebudayaan yang berlainan.

Untuk mencapai tujuan yang tersebut di atas Penyata Razak telah memperakukan perubahan kepada sistem pelajaran dari segi struktur dan kurikulum. Sebagai contoh, dengan terlaksananya sistem pendidikan kebangsaan, pendidikan rakyat negara ini menjadi tanggungjawab kerajaan. Struktur pentadbiran dan organisasi pendidikan telah dirombak di mana, kandungan kurikulum sekolah, latihan perguruan dan sistem peperiksaan telah diseragamkan. Keseluruhan organisasi pendidikan juga telah diletakkan ke dalam pentadbiran pusat.

Sebagai satu dokumen pelajaran, Penyata Razak mencerminkan prinsip kompromi dan akomodasi di kalangan masyarakat yang terdiri daripada berbagai keturunan. Sebagai contoh, untuk memuaskan tuntutan sebahagian daripada komuniti negara ini sistem pendidikan kolonial yang berteraskan sistem etnik telah dikenalkan sekurang-kurangnya di peringkat rendah dengan dibayai penuh oleh kerajaan. Di peringkat menengah pula mereka masih boleh meneruskan penggunaan bahasa ibunda masing-masing selain dari bahasa Malaysia tanpa bantuan dari pihak pemerintah.

Perlu diambil kira di sini bahawa Laporan Razak bukanlah satu dokumen yang radikal di mana ia sanggup membawa satu rombakan terhadap sistem yang ada bagi menyesuaikan kepada taraf negara yang baru merdeka. Pendek kata ia masih meneruskan sistem sekolah rendah yang mengamalkan empat jenis bahasa pengantar dan mengekalkan struktur sekolah menengah Inggeris sebagai asas bagi sekolah menengah kebangsaan. Dalam bidang kurikulum, rombakannya adalah minimal dan pada keseluruhannya kurikulum sekolah-sekolah Inggeris digunakan sepenuhnya. Selain daripada itu struktur peperiksaan juga masih dikenalkan mengikut struktur yang diperkenalkan pada zaman pemerintahan kolonial.

Justeru itu selain dari menyeragamkan kandungan kurikulum tidak ada usaha yang dibuat untuk merombaknya supaya ia dapat disesuaikan dengan keperluan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Keadaan ini mungkin bertujuan untuk mengekalkan status-quo memandangkan ikatan psikologi yang erat di antara pemimpin-pemimpin politik negara ini dengan negara yang menjajah. Keadaan ini adalah penting untuk difahami kerana implikasinya sangat meluas terutama dalam usia negara yang masih muda dan yang sedang di dalam proses pembinaan bangsa.

Sebagai contoh kurikulum yang digunakan di zaman penjajah masih terus digunakan hingga ke beberapa dekad selepas negara mencapai kemerdekaannya. Kajian yang dibuat oleh Santhiram R. Raman (1978) menunjukkan bahawa subjek sejarah yang diajar diambil bulat-bulat dari England. Ini adalah satu yang tidak kena pada tempatnya. Keadaan ini hanya menampakkan perubahan setelah negara mencapai kemerdekaannya lebih dari tiga dekad apabila Malaysia melaksanakan satu reformasi kurikulum yang menyeluruh untuk sekolah rendah dan kemudiannya diikuti dengan reformasi kurikulum di peringkat menengah. Justeru itu, reformasi kurikulum yang bermula pada tahun 1982 memang telah lama ditunggu memandangkan perubahan-perubahan yang terdapat di dalam masyarakat Malaysia.

## Kurikulum Baru Sekolah Rendah

Reformasi kurikulum di peringkat sekolah rendah yang dilaksanakan pada tahun 1982 adalah untuk melaksanakan perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) "...supaya pendidikan di peringkat rendah bercorak Pendidikan Asas dengan memberi penegasan kepada pendidikan dalam bidang 3M iaitu Membaca, Menulis dan Mengira" (Laporan Kabinet 1979, Perakuan 2a). Di samping itu ia juga bertujuan untuk mengurangkan jumlah matapelajaran yang dianggap terlalu padat pada waktu itu (*ibid.* 32.1(b)). Matlamat pendidikan sekolah rendah sebagaimana yang di laksanakan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) adalah untuk mempastikan perkembangan murid secara menyeluruh. Perkembangan-perkembangan ini merangkumi aspek-aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, bakat, akhlak, nilai-nilai estetika dan sosial" (Kurikulum Baru Sekolah Rendah 1981, m.s. 5). KBSR dibahagikan kepada dua tahap. Tahap pertama melibatkan darjah 1,2 dan 3. Tahap dua pula ialah bagi darjah 4, 5 dan 6. Kurikulum Baru ini dibahagikan kepada 3 komponen besar iaitu bidang Komunikasi, Manusia dan Alam Sekitar dan Perkembangan Individu. Ketiga-tiga bidang ini dipecah-pecahkan pula kepada bidang-bidang kecil yang lebih spesifik (lihat jadual 1).

**JADUAL 1: Bidang-Bidang Yang Ditawarkan Di Dalam KBSR**

BIDANG	KOMPONEN	MATA PELAJARAN	
		TAHAP 1	TAHAP 2
<b>KOMUNIKASI</b>	Kemahiran Asas	*Bahasa Pengantar: Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris	Bahasa Pengantar: Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris
		Matematik	Matematik
<b>MANUSIA DENGAN ALAM SEKITAR</b>	Kerohanian Nilaidan Sikap	+Pendidikan Agama Islam	Pendidikan Agama Islam
		+Pendidikan Moral	Pendidikan Moral
<b>PERKEMBANGAN DIRI INDIVIDU</b>	Kemanusiaan dan Persekitaran		Alam dan Manusia
		Muzik  Pendidikan Seni  Pendidikan Jasmani	Muzik  Pendidikan Seni  Pendidikan Jasmani

- \* Bahasa Pengantar bagi Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan ialah Bahasa Malaysia. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil menggunakan bahasa Cina dan Tamil.
- + Murid-murid Islam mengikuti Pendidikan Agama Islam. Murid bukan Islam mengikuti Pendidikan Moral.

Perbezaan di antara Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ialah dari segi penekanannya. Jika KLSR lebih menekankan kandungan kurikulum itu sendiri, KBSR menekankan proses pembelajarannya. Ini dapat dilihat dari falsafah pendidikan sekolah rendah seperti yang tercatat di dalam buku Kurikulum Baru Sekolah Rendah 1981:

1. ... proses pengajaran dan pembelajaran ialah penglibatan setiap murid secara aktif (*Ibid*, m.s. 4)
2. Prinsip mudah-ubah dan kesesuaian (*Ibid*, m.s. 4)
3. Pendekatan Bersepadu Dalam Penilaian (*Ibid*, m.s. 4)
4. Suasana bilik darjah yang menggalakkan pemikiran inkuiри dan memberi pendapat (*Ibid*, m.s. 4)
5. Perkembangan individu yang menyeluruh dan seimbang (*Ibid*, m.s. 4).

### Kurikulum Sekolah Menengah

Reformasi kurikulum di peringkat sekolah menengah adalah urutan dari perubahan yang dilakukan ke atas kurikulum sekolah rendah. Di peringkat sekolah menengah, penggubalan kurikulum adalah berasaskan kepada 'Falsafah Pendidikan Kebangsaan' yang mempernyatakan:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, Sept. 1987).

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dalam pembinaannya cuba memenuhi kehendak falsafah pendidikan negara sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan. Untuk mencapai matlamat yang tersebut, pendidikan di Malaysia adalah bercorak umum. Dalam kontek ini tidak akan terdapat sebarang penghususan di dalam mana-mana bidang tertentu. Di dalam struktur kurikulum lama murid-murid sudah mula mengikuti mata pelajaran yang khusus selepas peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran tetapi bagi KBSM murid-murid mengikuti mata pelajaran umum sehingga mereka menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Pada keseluruhannya kandungan KBSM hendaklah merangkungi:

pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang sesuai ke arah memperkembangkan lagi potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepada agar mereka menjadi insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Kementerian Pendidikan 1987).

Di dalam KBSM terdapat dua jenis mata pelajaran. Yang pertama ialah mata pelajaran 'TERAS' dan yang kedua ialah 'PILIHAN'. Di peringkat sekolah menengah rendah mata pelajaran pilihan ini dipanggil mata pelajaran 'TAMBAHAN' dan ia meliputi bahasa-bahasa ibunda (Lihat Jadual 2). Di peringkat menengah atas mata pelajaran pilihan ini dipanggil 'ELEKTIF'(Lihat Jadual 3).

Jika pendidikan rendah merupakan pendidikan asas, pendidikan sekolah menengah pula adalah berbentuk umum (Laporan Kabinet, 1979; pereng. 68.1). Penjurusan yang vokesyenal diperakukan supaya dihapuskan. KBSM telah menerima perakuan ini dan mata pelajaran yang dicadangkan di peringkat sekolah menengah adalah berbentuk umum di mana tidak ada sebarang pengkhususan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987).

KBSM di peringkat sekolah menengah rendah menawarkan 10 mata pelajaran teras selain daripada mata pelajaran tambahan iaitu bahasa Cina atau Tamil (lihat jadual 2 ). Di peringkat menengah atas pula murid-murid dikehendaki mengikuti sebanyak tujuh matapelajaran teras dan empat atau lima mata pelajaran elektif (lihat jadual 3).

**JADUAL 2: Mata Pelajaran Yang Ditawarkan Di Dalam KBSM (Untuk Sekolah Menengah Rendah)**

TERAS	TAMBAHAN
Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik Pendidikan Islam/Moral Sejarah Geografi Sains Kemahiran Hidup Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Pendidikan Seni	Bahasa Cina Bahasa Tamil

**JADUAL 3: Mata Pelajaran Yang Ditawarkan Untuk Sekolah Menengah Atas**

TERAS	* ELEKTIF	
	Kumpulan I	Kumpulan II
Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik Sains Pendidikan Islam/Moral Sejarah Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	Kemasusiaan (bahasa - bahasa sastera, seni, kemasyarakatan dan lagama)	Sains & Teknologi (bidang - bidang sains teknologi, ekonomi, pertanian dan sains komputer)

- \* Murid-murid dikehendaki memilih dua mata pelajaran dari setiap kumpulan dan satu dari mana-mana kumpulan. Murid hendaklah mengambil sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran elektif dan maksimanya 5.

**Reformasi E Kurikulum: U Kesan Dan Implikasinya**

Apabila KBSR dilancarkan ke seluruh negara dalam tahun 1982, harapannya ialah selain dari reformasi kurikulum yang dicadangkan ia juga akan dapat membina satu suasana budaya sekolah rendah yang berbeza sebagaimana yang diaspirasikan oleh masyarakat. KBSR di andaikan dapat mengubah hala pendidikan rendah dengan memberi tumpuan kepada aspek proses pembelajaran dan tidak kandungannya. Ini dapat dilihat dari falsafah KBSR (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1983) yang menekankan bahawa:

Pengalaman yang patut dilalui oleh murid hendaklah sesuai dan relevan dengan matlamat yang hendak dicapai melalui aktiviti-aktiviti yang menarik. Perkara penting di dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah penglibatan setiap murid secara aktif (Kementerian Pelajaran Malaysia, ibid. 4).

Untuk mencapai objektif yang dinyatakan di atas dianjurkan supaya ditekankan prinsip mudah-ubah kepada organisasi bilik darjah dan penjadualan. Murid-murid juga digalakkan melahirkan perasaan dan idea melalui aktiviti pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah dihalakan ke arah melahirkan murid-murid yang kreatif, berfikir, berupaya menyoal dan mengeluarkan buah fikiran (ibid.,4).

Selain daripada itu KBSR juga cuba mengurangkan jumlah mata pelajaran yang diajar kepada kanak-kanak di peringkat sekolah rendah. Tetapi jika kita merujuk kembali kepada mata pelajaran yang ditawarkan (lihat jadual 4) akan didapati bahawa rancangan untuk mengurangkan jumlah mata pelajaran tidak dilaksanakan. Misalnya di dalam tahap satu

sekolah rendah (darjah 1 - 3) kurikulum lama menawarkan 10 mata pelajaran, manakala di dalam KBSR juga menawarkan 10 matapelajaran dan ini termasuk "Amalan Perdagangan" dan "Ko-kurikulum".

Bagi murid-murid di dalam darjah 4 - 6 atau tahap 2 di sekolah rendah, kurikulum lama menawarkan sebanyak 12 matapelajaran manakala di dalam KBSR juga jika mata pelajaran "Amalan perdagangan" diasingkan daripada matematik jumlah mata pelajaran yang diambil oleh murid-murid juga adalah 12. Bahkan di dalam KBSR tahap 2, jika diteliti dengan mendalam akan didapati bahawa murid-murid akan mempelajari lebih dari 12 mata pelajaran. Ini disebabkan oleh mata pelajaran "Alam dan Manusia" yang mempunyai objektif dan kandungan pelajaran yang luas seperti ilmu sains, geografi, sivik dan kesihatan.

#### **JADUAL 4: Mata Pelajaran Yang Ditawarkan Di dalam Kurikulum Lama Dan Baru**

	KLSR	KBSR
<b>Tahap 1</b>	Bahasa Pengantar Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Ilmu Hisab Ilmu Sains Lukisan dan Pertukangan Tangan Pendidikan Jasmani dan Ilmu Kesihatan Pengajian Tempatan Muzik Pengetahuan Agama Islam	Bahasa Pengantar Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik & Amalan Perdagangan Pendidikan Agama Islam / Pendidikan Moral Muzik Pendidikan Seni Pendidikan Jasmani Ko Kurikulum
<b>Tahap 2</b>	Bahasa Pengantar Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Ilmu Hisab Ilmu Sains Sejarah Ilmu Alam Sivik Lukisan dan Pertukangan Tangan Pendidikan Jasmani Muzik Pengetahuan Agama Islam	Bahasa Pengantar Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik /Amalan Perdagangan Pend. Agama Islam/ Pendidikan Moral Alam dan Manusia Muzik Pendidikan Seni Pendidikan Jasmani Ko Kurikulum Kemahiran Hidup

## Reformasi Kurikulum: Satu Penilaian

Telah dinyatakan bahawa reformasi kurikulum yang dilaksanakan masakini adalah menyeluruh. Di samping kekuatan yang ditunjukkan seperti penekanan konsep ilmu yang bersepada dan penekanan nilai-nilai murni di dalam setiap mata-pelajaran, terdapat juga kelemahan-kelemahan yang ketara terutama dari segi percanggahan yang nyata di antara matlamat dan kandungan serta kurang kesefahaman di antara agensi-agensi Kementerian Pendidikan itu sendiri. Persoalannya adakah kurikulum yang dirancang dan dibina itu terlalu ideal matlamatnya hingga kita terperangkap dengan idealismenya sendiri? Adakah falsafahnya masih kurang difahami? Ataupun adakah ekspektasi pihak perancang tidak mengambil kira realiti yang terdapat di sekolah-sekolah?

Pembinaan kurikulum bukanlah semudah yang kita sangka. Ia perlu dibuat penilitian yang mendalam sebelum dilaksanakan. Segala aspek hendaklah ditinjau dan diambil kira sebelum sesuatu pakej kurikulum dilaksanakan dan ini termasuklah 'kesediaan' sekolah menerima dan melaksanakannya. Apa yang hendak ditekankan ialah bahawa pakej sesuatu kurikulum adalah hanya satu aspek dalam proses pengajaran - pembelajaran. Ia boleh dirancangkan mengikut kehendak dan tujuan tertentu. Tetapi satu perkara yang sama penting ialah pelaksanaan kurikulum dan ini melibatkan guru. Kurikulum tidak akan berfungsi tanpa guru yang melaksanakannya. Sesuatu kurikulum yang diandaikan baik dan lengkap akan gagal jika pelaksananya tidak memahami samada hasrat yang tersurat atau pun yang tersirat. Faktor guru di dalam pelaksanaan kurikulum hendaklah diberi perhatian khas kerana kejayaan atau kegagalan sesuatu kurikulum banyak bergantung kepada mereka.

Untuk mempastikan kejayaan sesuatu rancangan kurikulum seimbang dan menyeluruh, beberapa perkara perlu di teliti seperti sejarah masyarakat dan bentuk ilmu itu sendiri. Di Malaysia adalah jelas bahawa masyarakatnya adalah terdiri dari masyarakat yang mengandungi berbagai keturunan etnik dan adalah menjadi matlamat pendidikan untuk mengurangkan jurang-jurang perbezaan yang terdapat di kalangan mereka ini. Selain dari itu aspek-aspek fizikal sekolah juga hendaklah difikirkan dengan mendalam. Sebagai contoh sejauh manakah KBSR dapat dilaksanakan di dalam kelas yang mengandungi murid seramai 35 orang sebagaimana yang disarankan? Sejauh manakah bilik darjah dan jadual waktu sekolah mudah diubahsuai bagi memenuhi kehendak KBSR? Sejauh manakah persediaan guru dikaji untuk menjamin supaya falsafah KBSR benar-benar dihayati? Selain daripada pakej kurikulum yang hendak diubah, aspek pengajaran-pembelajaran juga hendaklah diteliti jika kita hendak melihat satu reformasi pendidikan yang berjaya dan berkualiti.

Dari aspek pelaksanaannya, tahun 1989 adalah tahun KBSM diperkenalkan kepada semua pelajar di Tingkatan 1. Implikasi terhadap pelaksanaannya masih belum dapat dipastikan. Namun demikian apa yang nyata ialah konsep dan falsafah KBSM sebagaimana yang tersurat dan tersirat masih ramai yang belum menghayatinya. Selain dari guru-guru, agensi-agensi kementerian juga masih tidak menunjukkan kesepaduan dalam menghayati perubahan-perubahan yang sedang pesat berlaku ini. Sebagai contoh hingga sekarang pihak Lembaga Peperiksaan seolah-olah terasing dari perubahan-perubahan yang sedang berlaku. Panduan-panduan yang berkaitan dengan proses penilaianya masih lagi kabur. Penilaian yang berasaskan sekolah yang sering diperkatakan sekarang ini masih belum difahami dengan jelas. Pihak guru, yang

memang pragmatik sudah tentu akan menyediakan murid-murid mereka untuk menghadapi peperiksaan sebagaimana ia dilaksanakan di dalam kurikulum lama.

KBSM adalah berbeza dari KLSM dari segi objektifnya. KBSM cuba hendak mengimbangkan di antara domain-domain kognitif, emosi, rohani dan jasmani. Sistem peperiksaan yang ada sekarang hanya menekankan aspek pencapaian murid di dalam domain kognitif. Jika pihak Lembaga Peperiksaan masih tidak mengambil langkah yang positif dan mengikuti sama dalam reformasi pendidikan yang sedang rancak dilaksanakan sekarang ini, usaha untuk mencapai objektif-objektif pendidikan sebagaimana yang digariskan di dalam Falsafah Pendidikan Negara tidak akan mencapai matlamatnya dan dengan sendirinya akan menggagalkan segala usaha ke arah reformasi kurikulum yang dirancangkan.

Selain dari itu pihak Kementerian Pendidikan, di dalam kehairahannya melaksanakan reformasi kurikulum hanya menumpukan pandangannya kepada sekolah-sekolah sahaja. Institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini yang bertanggung jawab terhadap melatih bakal-bakal guru sekolah menengah telah tidak diambil kira langsung di dalam reformasi kurikulum ini. Hingga ke hari ini Pusat-pusat Pengajian Ilmu Pendidikan atau pun Fakulti-fakulti Pendidikan di universiti-universiti tempatan masih belum menerima dengan secara rasmi terhadap reformasi kurikulum ini dan langkah-langkah yang perlu diambil dalam proses latihan keguruan.

## **Kurikulum Dan Perpaduan**

Apabila menganalisis masyarakat Malaysia, kita tidak dapat lari dari objektif perpaduan. Aspek ini juga menjadi teras kepada Laporan Razak dan laporan-laporan berikutnya. Dasar ini dikuatkan lagi setelah berlakunya peristiwa 13 Mei, 1969 dengan satu rancangan ke arah penyusunan semula masyarakat. Di dalam reformasi pendidikan yang bermula dari tahun 1982, matlamat perpaduan ini masih diteruskan dan strategi yang digunakan lebih melibatkan kepada penerapan nilai-nilai tertentu. Ini adalah berdasarkan kepada andaian-andaan bahawa konsep perpaduan itu banyak bergantung kepada nilai dan sikap seseorang. Proses penerapan nilai ini adalah sebahagian dari matlamat KBSM. Oleh itu kurikulum yang ditawarkan hendaklah mencerminkan ke arah satu pemebentukan nilai yang diterima sebagaimana yang digariskan di dalam 'Falsafah Pendidikan Negara'.

Pemupukan nilai-nilai yang sama (common values) adalah penting bagi sesebuah masyarakat majmuk. Kurikulum yang menawarkan nilai-nilai yang berbeza sedikit sebanyak akan menimbulkan kesan tingkah laku yang bercanggah di kalangan klien-kliennya. Begitulah keadaannya dengan kurikulum yang ditawarkan di dalam KBSR dan KBSM. Terdapat subjek-subjek yang tidak selaras seperti yang tersurat di dalam 'Falsafah Pendidikan Negara' di mana hasratnya ialah "untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan".

Sebagai contoh ialah penawaran Pendidikan Moral bagi murid-murid bukan beragama Islam dan Pendidikan Agama Islam bagi murid-murid yang beragama Islam. Kandungan pendidikan moral adalah 100% bertumpu kepada nilai-nilai kemanusiaan yang bercorak universal manakala pendidikan agama Islam pula berorientasikan kepada nilai-nilai yang

berpaksikan keagamaan. Selain dari itu, kandungan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam pendidikan agama Islam adalah terlalu sedikit sama ada dari segi objektif atau pun kandungannya (lihat Haris dan Ahmad Khamis, 1987).

Implikasi dari keadaan yang sedemikian adalah berat sekali. Pertama, sistem pendidikan kita tidak dapat melahirkan individu sebagaimana yang terhasrat di dalam 'Falsafah Pendidikan Negara', vis-a-vis, nilai-nilai murni yang berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Jika dasar pendidikan negara ingin melaksanakan hasrat 'Falsafah Pendidikan Negara' pendidikan agama juga hendaklah diajar kepada semua murid. Dengan cara ini satu penyelarasan dapat dilaksanakan terhadap subjek-subjek yang ditawarkan di dalam KBSM.

Dengan mengasing-asingkan kanak-kanak berdasarkan subjek-subjek yang menekankan nilai-nilai yang berlainan, berkemungkinan besar kita akan melihat kelahiran dua bentuk nilai murni di kalangan generasi akan datang. Golongan pertama mengamalkan bentuk nilai murni yang berpaksikan kepada aspek-aspek nilai-nilai kemanusiaan yang universal manakala golongan yang kedua akan melihat nilai dari pandangan keagamaan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa nilai-nilai kemanusiaan yang universal adalah juga nilai-nilai yang tidak bertentangan dengan agama Islam bahkan Islam memang menekakkannya. Kajian-kajian yang telah di buat (lihat Haris dan Ahmad, ibid.) menunjukkan bahawa cara subjek-subjek ini diajar dan penekannan yang diberikan menampakkan perbezaan yang begitu ketara.

Apa yang telah dihuraikan di atas tidak membantu ke arah perpaduan negara kerana selain dari perbezaan dari segi etnik (memang mustahil untuk direkonsilkan) ia diperkuuhkan lagi dengan perbezaan penghayataan nilai yang kita sendiri rancangkan. Oleh itu kita akan dapat melihat bahawa reformasi kurikulum yang sedang berlaku masakini cuba hendak menerapkan satu idealisme berdasarkan kepada falsafah pendidikan negara. Namun demikian, idealisme yang hendak dicapai adalah sempit tanpa mengira matlamat jangka panjang negara yang mempunyai sejarah masyarakatnya yang tersendiri.

## Kesimpulan

Artikel yang ringkas ini telah cuba mengemukakan beberapa aspek yang penting tentang kurikulum samada dari segi pembinaan mahu pun pelaksanaanya. Sebagaimana yang telah dinyatakan di awal tadi bahawa sesuatu kurikulum itu mencerminkan hasrat masyarakat dan ideologi sesebuah negara.

Di Malaysia, perpaduan adalah teras kepada falsafah pendidikan negara. Ia konsisten dengan apa yang diperakukan oleh Penyata Razak (1956), Akta Pendidikan 1961, dan Laporan Kabinet (1979). Namun demikian perlu diingat bahawa konsep 'perpaduan' itu sendiri adalah terlalu mujarad maksudnya. Ia sukar untuk dinilai. Bagi sebuah negara yang majmuk dari segi latarbelakang kependudukannya dan baharu tiga dekad melaksanakan proses pembinaannya, adalah terlalu singkat untuk mengukur kejayaannya. Namun demikian, tanda-tanda positif kelihatan dari segi interaksi di kalangan generasi muda masyarakat yang pada keseluruhan mengikuti dasar pendidikan yang sama.

Artikel ini juga ada menyentuh tentang tidak ketelitian dalam proses merancang dan membina kurikulum. Sebagai contoh terdapat konflik di antara semangat yang disarankan melalui 'Falsafah Pendidikan Negara' dan kandungan kurikulum itu sendiri. Sebagaimana yang telah dibincangkan, implikasinya bukan sahaja tidak sesuai dengan prinsip pendidikan ia juga akan melahirkan satu generasi yang akan mempunyai orientasi nilai yang berbeza.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan kurikulum sekolah rendah juga telah dibincangkan terutama berhubung dengan kepadatan matapelajaran yang masih terdapat masakini. Dalam kontek ini ia tidak mencerminkan hasrat KBSR sebagaimana yang diperakukan oleh Laporan Kabinet.

Akhir sekali perlu ditegaskan bahawa apa pun bentuk reformasi kurikulum yang dianjurkan tidak akan mendapat hasil yang diharapkan jika ia tidak diikuti dengan penyusunan semula di dalam bidang-bidang lain, kerjasama di antara agensi-agensi di Kementerian Pendidikan dan mengambil perhatian yang berat tentang pelaksananya.

### **References**

- Archer, M., *Social Orgins of Educational Systems*, Sage , London. 1979.
- Federation of Malaya, *Report of the Education Committee 1956* (Penyata Razak), Govt. Press, Kuala Lumpur. 1956.
- \_\_\_\_\_*Report of the Education Review Committee*, 1960 (Penyata Rahman Talib), Govnt. Press, Kuala Lumpur, 1960.
- \_\_\_\_\_*Education Act 1961*, Federation of Malaya Act of Parliament No. 43 of 1961, Govnt. Press Kuala Lumpur, 1961.
- Freire, P. *Pedagogy of the Oppressed*, Penguin Books, London, 1972.
- Haris & Ahmad, *Values Education in Malaysia State-of-the-Practice Study #2*, SEARRAG, 1987 (Satu monografi).
- Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji PelaksanaanDasar Pelajaran* (Laporan Kabinet), Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- \_\_\_\_\_*Kurikulum Baru Sekolah Rendah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983.
- *Rancangan Bersepadu Sekolah Menengah* (KBSM), Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur, 1987.
- Molnar, A. and Zahorik, J.A. ed. *Curriculum Theory*, Assoc. for Supervision and Curriculum Development, Washington, 1977.
- Lawton, D., *Social Change, Educational Theory and Curriculum Planning*, University of London Press, London, 1973.

- Santhiram R. Raman, *The Development of History Teaching in Schools in Peninsular Malaysia (1905-1978)*, M.Ed. Thesis, Universiti Sains Malaysia (Tidak diterbitkan).
- Smith,D.M., *Where the Grass is Greener: Geographical Perspectives on Inequality*, Croom Helm Ltd., London, 1979.
- Thomas, Sands and Brubaker, *Strategies for Curriculum Change:Cases from 13 Nations*, International Textbook Co., Pennsylvania, 1968.
- Tyler, R.W., *Basics Principles of Curriculum and Instruction*, University of Chicago Press, Chicago, 1949.